

Artis sengsara kesan rawatan kosmetik


# Bengkak hingga sebulan

H-M 29/06/08 M/S 10

>>Oleh ABIE ABDULLAH,  
NORAINON OTHMAN, FUAD  
HADINATA YAACOB dan  
SHAMRAN SARAHAN  
metahad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Bukan senang nak cantik. Itulah rumusan yang boleh dibuat berdasarkan pengakuan beberapa artis yang bukan saja berhabisan hingga ratusan ribu ringgit, tapi juga terpaksa tabah menahan sengsara untuk mengubah wajah dan susuk tubuh mereka supaya kelihatan menawan.

Di sebalik kejelitaan hari



ARTIS 3... belanja RM7,000.



ARTIS 4... sanggup berbelanja RM120,000 untuk pelbagai jenis suntikan di muka, dagu dan tubuh supaya lebih menawan.

mengambil ganja. Kerana itu tubuh saya kurus dan pipi cengkung. Selepas itu, saya nekad mengambil suntikan untuk menjadikan pipi lebih berisi.

Saya juga berazam tidak lagi melakukan kerja 'jahat' dan jika hendak uji air kencing pun, kini saya tidak risau kerana bersih daripada dadah.

Mengenai kesan negatif, bohong kalau orang kata suntik jarum tak sakit. Malah, sehingga kini bahagian yang disuntik begitu sensitif. Pernah sekali, secara tidak sengaja anak terlanggar hi-

ini, ada di kalangan mereka pernah menderita apabila bahagian wajah yang ingin diubah bernanah, membengkak dan mengeras hingga menyebabkan mereka tidak boleh tersenyum dan mengunyah makanan.

Seorang artis memberitahu, sebelum proses rawatan sempurna, wajahnya tidak boleh diusik atau ia membengkak hingga rupanya jadi menakutkan.

"Sehingga kini bahagian wajah yang disuntik masih sensitif. Pernah saya terasa sakit yang amat sangat apabila anak terlanggar hidung saya," katanya yang menerima lebih 30 suntikan vitamin C dan kolagen pada hampir sebahagian besar bahagian wajahnya.

Ikuti pengakuan beberapa artis terbabit kepada Metro Ahad:

**ARTIS 1** (pelakon dan penyanyi wanita berusia lewat 20-an)

"Saya menyesal dan serik dengan tindakan menyuntik silikon pada muka semata-mata untuk kelihatan cantik. Perbelanjaannya tidak mahal, cuma kira-kira RM500 untuk tempoh dua tahun.

Namun, apabila mendapati kesan pada wajah tidak seperti diinginkan, saya mula risau. Manakan tidak, bahagian tertentu pada wajah mengeras sehingga saya sukar senyum.

Keadaan itu menyebabkan saya terpaksa mencari jalan penyelesaian dengan membuat pembedahan membuang silikon itu.

Bagaimanapun, kos pembedahan lebih mahal iaitu lebih RM10,000. Saya terpaksa melakukan dua pembedahan, tetapi masih ada sa-

**ff**

## Ini kebodohan saya. Tanpa informasi lengkap serta pengetahuan mengenai produk suntikan, saya terus setuju disuntik"

>Pengakuan artis 1

ki-baki silikon yang gagal dibuang kerana sebatu dengan isi daging wajah saya.

Kesannya masih dirasai di bahagian dagu, tetapi saya tidak boleh lagi membuat pembedahan kerana dikhawatiri nampak dagu berlubang.

Sakitnya hanya Tuhan tahu, tapi ia saya rasa selepas pembedahan kerana bengkaknya melarat sampai sebulan sehingga saya terpaksa menolak tawaran berlakon.

Saya akui tindakan untuk cantik cepat satu kesilapan besar dalam hidup. Memang saya terpengaruh dengan rakan artis, tapi saya tidak mahu menyalahkan orang lain.

Ini kebodohan saya. Tanpa informasi lengkap serta pengetahuan mengenai produk suntikan, saya terus setuju disuntik. Malah mulanya saya diberitahu setiap suntikan boleh bertahan tiga bulan, tetapi yang saya lakukan itu untuk kesan selama-lamanya.

Selepas itu baru saya tahu bengkak untuk tiga bulan itu berharga lebih mahal, mencecah RM5,000 hingga RM6,000. Kini saya lebih

berhati-hati apabila mengambil suntikan vitamin dan kolagen.

Biarpun terpaksa berbelanja lebih, saya tidak berkira sangat, yang penting kaedahnya betul. Sepanjang empat tahun lalu, saya berbelanja hampir RM8,000 untuk mengambil suntikan vitamin dan kolagen."

**ARTIS 2** (pelakon wanita berusia 30-an)

"Pengalaman saya menyeksakan. Saya mengambil suntikan untuk mencantikkan wajah, tapi yang berlaku sebaliknya. Wajah bertukar menjadi hodoh sehingga saya tidak keluar rumah selama tujuh bulan kerana malu pada orang ramai.

Sebenarnya, saya tergerak hati untuk 'menukar wajah' selepas terpengaruh dengan seorang rakan yang memperkenalkan proses itu. Katanya, rawatan menyuntik kolagen boleh menjadikan wajah saya kelihatan lebih 'segar'.

Kos membuat beberapa suntikan kolagen untuk mencantikkan wajah dan bibir mencecah RM2,000. Selepas melakukannya, saya tidak sabar-sabar melihat hasilnya, namun beberapa minggu kemudian perubahan yang berlaku menakutkan saya.

Muka menjadi lebih besar dan ada bahagian bernanah, manakala bibir membengkak. Saya segera bertemu doktor pakar dan dia juga terperanjat melihat wajah saya.

Selepas diperiksa, dia mencadangkan saya membuat pembedahan membuang cecair yang dimasukkan. Sebelum itu saya terfikir untuk membuat suntikan lagi, tetapi selepas doktor membe-

ritahu pengambilan kolagen untuk memejamkan wajah saya, saya hanya menurut cadangan-nya.

Ketika proses membuang cecair dilakukan, saya terkejut kerana yang keluar ialah nanah hasil campuran cecair berkenaan dengan darah. Bukan sedikit nanah keluar, malah sepanjang proses membuang itu ia menyakitkan dan lebih rumit daripada proses memasukkannya.

Kos membuang cecair itu berjumlah RM20,000, lebih mahal daripada kos suntikan untuk mencantikkan wajah. Lebih menyeksakan, orang sekeliling, terutama rakan, bukan saja memberi pandangan negatif, malah takut melihat wajah saya yang semakin membesar.

Jiwa saya tertekan, untuk menyesal tidak berguna lagi. Saya ingin memberi nasihat, jika mahu mendapatkan rawatan wajah, jumpa doktor pakar atau yang ada taaliah, bukan mendapatkan nasihat pusat kecantikan."

**ARTIS 3** (pelakon lelaki berusia 30-an)

"Untuk mendapatkan wajah idaman, saya membelanjakan RM7,000 untuk urutan muka dan mengambil suntikan vitamin C serta kolagen.

Dalam tempoh seminggu, wajah yang disuntik kelihatan bengkak. Pantang-larang bagi kaedah ini ialah seseorang itu tidak boleh menyentuh atau 'usik' bahagian wajah yang disuntik kerana menjejaskan proses pembentukan.

Jika bengkak, biarkan dulu dan cuci dengan air sejuk. Selepas suntikan, bengkak di wajah susut dan pulih sepenuhnya dalam tempoh dua bulan. Setakat ini saya me-

ngambil lebih 30 suntikan untuk membentuk kembali hidung menjadikannya lebih mancung, bibir supaya lebih berisi serta pipi yang cengking kelihatan lebih gebu.

Ada empat jarum suntikan lagi hendak dimasukkan, tetapi buat masa ini saya hentikan buat sementara waktu dan belum bercadang melakukannya dalam masa terdekat. Akan datang, saya bercadang menyuntik hidung supaya lebih mancung serta dahi bagi menegangkan kulit yang kendur.

Semua suntikan ini membuatkan saya kelihatan lebih muda dari usia sebenar. Saya tidak peduli cemuhan orang kerana selama ini saya cakap perkara benar pun orang cemu, tak mengaku lagi orang cemu.

Ada rakan artis mengatakan saya seperti pondan selepas melakukan pembentukan wajah melalui suntikan. Saya tak peduli semua itu dan tidak kisah apa orang nak kata. Apapun, jauh di sudut hati, saya tidak pernah bangga dengan perubahan yang saya lakukan.

Siapa yang buat suntikan hendakkan wajah buruk? Jangan hina seseorang. Saya melakukan suntikan di hidung kerana inginkan hidung lebih mancung, manakala suntikan di bibir diambil kerana bibir asal ada kesan sumbing.

Pembentukan bibir menggunakan acuan dan ketika proses itu, hendak menarik nafas kuat dari mulut pun tak dibenarkan kerana merosakkan proses rawatan. Saya menyuntik pipi juga ada sebabnya.

Saya tidak larat ditahan polis kerana disyaki menagih dadah. Saya akui saya bukan 'budak baik' kerana pernah

sebagai anak terlanggar hidung saya dan saya rasa sangat sakit."

**ARTIS 4** (penyanyi wanita berusia 20-an)

"Saya berbelanja kira-kira RM1,000 sebulan sejak 10 tahun lalu untuk pelbagai jenis suntikan di muka dan tubuh supaya lebih menawan. Ini bermakna saya berbelanja kira-kira RM120,000. Namun, saya puas dengan hasil yang saya peroleh dan saya anggap wang yang saya habiskan berbaloi.

Saya jenis yang obses kecantikan. Dulu saya tidak cantik dan inginkan penampilan berbeza. Sebelum melakukan kaedah suntikan kecantikan, saya memina pandangan beberapa pakar kulit bagi mendapatkan maklumat mengenai kesannya serta memastikan ia halal.

Saya mengambil suntikan kolagen bagi mendapatkan wajah lebih bujur dan berdagu runcing dengan suntikan di pipi kiri dan kanan serta dagu. Saya turut mengambil suntikan plasenta biri-biri, vitamin C dan 'collagen lifecell' di kiri kanan lengan secara berperingkat-peringkat.

Tujuannya untuk mendapatkan kulit lebih cantik, halus dan anjal. Kosnya kira-kira RM1,000 sebulan. Dua suntikan berbeza di kiri kanan lengan itu dilakukan dua minggu sekali.

Kesan sampingan? Terus terang, saya tidak mengalami situasi negatif. Saya yakin ini kerana saya melakukan semua rawatan itu dengan cara betul dan daripada individu yang pakar."

Artis sengsara kesan rawatan kosmetik

# Salun tiada tauliah



ALICE... pastikan jumpa pakar diiktiraf.

**K**UALA LUMPUR: "Kes inginkannya wajah cantik tapi bertukar hodoh banyak berlaku dan saya pernah mengendalikannya. Memang susah membantu mereka kerana ia boleh menyebabkan kesan lebih teruk jika tersilap melakukan rawatan susulan," kata Dr Alice Prethima, pengamal perkhidmatan estetik di sini.

Beliau yang berpengalaman lapan tahun dalam bidang perubatan estetik berkata, kesan sampingan berbahaya kepada kulit muka ketika prosedur kosmetik akan berlaku jika dilakukan di pusat rawatan atau salun kecantikan yang tidak mendapat tauliah daripada Kementerian Kesihatan.

Malah, lebih membimbangkan jika ia dilakukan oleh individu atau doktor yang tiada kelayakan dan tidak diiktiraf kementerian.

"Individu yang melakukan rawatan estetik untuk 'mengubah' wajah supaya kelihatan cantik dan menawan harus memastikan produk dan kaedah digunakan diiktiraf dan disahkan.

"Apabila berlaku jangkitan dan kesan sampingan, pesakit sukar mendapat rawatan susulan kerana doktor yang hendak merawat masalah itu perlu tahu produk dan kaedah rawatan yang mereka gunakan sebelum itu," katanya.

Menurut Alice, walaupun ada banyak jenis produk rawatan estetik sama ada yang digunakan melalui suntikan dan terapi laser, individu yang mendapat rawatan itu harus memastikan setiap produk yang digunakan adalah 'asli'.

"Pastikan produk itu mengandungi 'hyaluronic' asli yang membantu membaiki tisu kulit. Dalam rawatan estetik, hanya kandungan itu yang tidak memberi kesan sampingan dan bahaya kepada individu yang menerima rawatan.

"Tidak salah sebenarnya mendapatkan rawatan ini untuk tampil lebih yakin dan kelihatan 'menawan'. Namun

perlu berhati-hati. Jika mendapatkan rawatan susulan pula, patuhi prosedur dan praktikkan amalan pemakaian yang disyorkan doktor.

"Jika tidak, ia juga meninggalkan kesan bahaya, malah ada yang muka bernanah dan bahagian yang disuntik 'membengkak'," katanya.

Bagaimanapun, Alice mengakui, rawatan estetik di negara ini masih murah dengan tawaran rawatan boleh mencecah RM300 bagi rawatan tertentu berbanding di negara jiran seperti Singapura.

Seorang doktor kecantikan dari Jakarta, Indonesia yang enggan dikenali pula berkata, kos rawatan bergantung ke-

pada ubat dan keadaan diri seseorang. Biasanya kos bertambah jika seseorang itu semakin berusia dan memerlukan keanjalan kulit seperti orang muda.

Dia yang membuka klinik di Jakarta Selatan sejak empat tahun lalu, pergi ke Kuala Lumpur setiap bulan dan ada di sini selama lima hari sehingga seminggu kerana ramai 'pesakitnya' memerlukan rawatan itu.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini dia belum menggunakan ubatan salah yang tidak dibenarkan kerajaan. Dia cuma 'menjual' suntikan vitamin, kolagen dan ubat untuk memecah lemak.

"Semua bergantung kepada keperluan seseorang dan paling murah, harganya sekitar RP1 juta (RM350) dan terbaru, cecair titanium digunakan untuk mengekalkan awet muda. Titanium mahal, kadangkala mencecah RP12 juta (RM4,200) untuk satu sesi rawatan.

"Rawatan ini perlu untuk kecantikan kulit tetapi jangan ambil sebarang ubat, seharusnya ia yang di bawah kawalan kementerian," katanya.

Di Jakarta juga, dia dikunjungi beberapa artis untuk mendapat rawatan. Baginya, artis memerlukan 'perubahan' lebih sihat untuk tampil di TV mahupun pentas.